

05 APR 2003

Kayveas-Sukan/I

TIADA PERUNTUKAN PAKSA PEMAJU BINA KEMUDAHAN SUKAN

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Tidak ada peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan atau Akta Pemaju Perumahan bagi memaksa pemaju perumahan menyediakan tanah atau mendirikan kemudahan sukan di kawasan yang mereka majukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerjaan Tempatan Datuk M. Kayveas berkata pemaju perumahan hanya disyaratkan menyediakan taman kanak-kanak atau kawasan rekreasi kecil dan bukannya kemudahan sukan seperti padang bola sepak.

"Pemaju hanya dikehendaki membina kemudahan taman kanak-kanak dan tempat ibadat tetapi tidak wajib untuk mereka membina kemudahan sukan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis tertinggi Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini hari ini.

Kayveas, yang juga Presiden PPP, berkata demikian ketika mengulas saranan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar pada Khamis lepas supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau jemaah menteri mengarahkan semua kementerian yang berkaitan supaya menganggap sukan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mereka.

Selain Kementerian Belia dan Sukan, Tunku Imran berkata tiga kementerian lain -- Pendidikan, Pertahanan dan Kerajaan Tempatan -- perlu memainkan peranan lebih besar dalam membangunkan sukan di negara ini.

Sentimen Tunku Imran itu mendapat sokongan Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Kayveas berkata jika ada arahan kabinet, maka Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Pemaju Perumahan perlu dipinda bagi memaksa pemaju menyediakan kemudahan sukan di kawasan perumahan.

"Kini kolam renang hanya dibina oleh pemaju yang membina pangsapuri tetapi dalam kawasan perumahan biasa, tidak ada kemudahan sukan...mungkin sebuah trek jogging sahaja.

"Jika kita serius untuk menjadikan sukan lebih berkesan, maka pembangunan perlu dilaksanakan sepenuhnya. Jika Kabinet memberi arahan, maka kami akan meneruskan usaha meminda akta-akta berkaitan tetapi kami juga akan mendapat pandangan daripada pemaju," katanya.

-- BERNAMA

SR KHY DC MAI